

26/06/1998

Pawada hadiah kicap RM3,000

KUCHING, Khamis - Grand Prix (GP) Joran pusingan ketiga yang akan berlangsung di Santubong, Sarawak, sembilan hari lagi, terus mendapat sambutan bukan sahaja di kalangan kaki pancing, malah pelbagai pihak tampil memberi sumbangan untuk menjayakan pertandingan memancing terulung itu.

Pawada Food Industries Sdn Bhd, adalah syarikat terbaru yang tampil dengan tajaan 63 kartun kicap keluaran syarikat itu yang bernilai RM3,000.

Sumbangan itu disampaikan Pengurus Besar Pawada, Mohammad Seri, kepada wartawan Berita Harian, Misiah Taib, pada satu majlis ringkas yang diadakan di syarikat itu, di Estet Perindustrian Bintawa, dekat sini.

Upacara penyerahan produk itu turut dihadiri Eksekutif Pengiklanan NST Sarawak, Norma Mullie.

Mohammad berkata, kicap keluaran syarikat 100 peratus milik Bumiputera itu adalah satu-satunya kicap yang diiktiraf oleh Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) di negara ini.

Katanya, ia disebabkan kicap keluaran syarikat itu menggunakan perahan asli serta tidak mengandungi perisa tambahan.

Beliau berkata, selain mengeluarkan kicap, Pawada juga menghasilkan lima produk lain iaitu sos cili, sos tomato, kordial (lima perasa iaitu oren, sarsi, barli, ros dan anggur), cuka dan serbuk kopi.

"Sos cili, sos tomato dan kordial keluaran Pawada juga turut mendapat pengiktirafan Sirim," katanya selepas upacara penyerahan sumbangan berkenaan.

Menurutnya, Pawada yang mempunyai 52 tenaga kerja adalah pemenang Anugerah Kecemerlangan Kualiti Industri 1997 yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 18 Disember lalu.

Di samping itu katanya, syarikat itu juga pernah memenangi Anugerah Ketua Menteri Sarawak bagi Pengurusan Cemerlang 1997 pada 29 Oktober lalu.

(END)